

KEDUDUKAN KETUA NEGARA DALAM SYARIAT ISLAM

Haji Ismail Bin Haji Omar
Jabatan Syariah dan Undang-undang, KUIS.
Email: ismailomar@kuis.edu.my

Abstrak

Kertas ini menyingkap tentang kepentingan dan kedudukan ketua negara mengikut perspektif Islam. Keunikan dan kelainannya dari sistem bukan Islam perlu diketahui dengan jelas agar ketua negara atau pemimpin tertinggi tidak melakukan sebarang tindakan yang bercanggah dengan ajaran Islam yang mulia. Secara khususnya ia akan menerangkan tentang: keterikatan ketua negara dalam bidang kuasa, kuasanya dalam urusan luar negara, perlindungan dan keistimewaannya di dalam dan di luar negara, corak sambutan terhadapnya, kekebalan ketua negara terhadap sebarang kuasa asing, kekebalan peribadi, kekebalan tempat tinggal, keistimewaan dalam memiliki harta dan kelangsungan perlindungan-perlindungan ini. Ia turut membincangkan tentang implikasi hilangnya sifat sebagai ketua negara, dan situasi di mana ketua negara hanya berhak mendapat separuh perlindungan serta asas-asas perlindungan terhadap ketua negara. Kajian ini adalah Kajian Perpustakaan di mana ia menggunakan Metod Pengumpulan dan Analisis Data dengan disokong oleh instrument lain seperti Pemerhatian dan Temubual.

1. Pendahuluan

Ketua Negara adalah satu jawatan yang paling utama di dalam sesebuah negara. Kedudukan dan segala isu yang berkaitan dengannya sentiasa menjadi tumpuan perhatian rakyat baik secara sepontan ataupun secara bersungguh-sungguh. Bermula dari isu perlantikannya sehinggalah ke isu pemecatannya. Ini kerana jawatan ketua negara adalah milik rakyat dan amanah dari Allah azza wajalla sekalipun ia bergelar *zillullah fi al ardh* (payung Allah di bumi). Sebarang perkara yang dilakukan akan dinilai oleh rakyat dan dipersoalkan oleh Allah *subhanahu wataala* sama ada ianya kecil ataupun besar. Sesaorang yang mampu, bolehlah dilantik dan berterusan menjalankan amanah ini. Namun orang yang dilantik itu apabila hilang kelayakan atau terlalu banyak kontraversi tentangnya hendaklah mengundur diri atau dilucutkan jawatannya. Sesuai dengan kedudukannya yang utama maka ketua negara layak mempunyai keistimewaan-keistimewaan tertentu sebagai memudahkan ia menjalankan tugasnya sama ada di dalam ataupun di luar negara. Adakalanya ia mendapat sepenuh perlindungan dan adakalanya ia mendapat separuh perlindungan sahaja. Namun apabila ia tidak menjawat lagi jawatan tersebut maka segala keistimewaan itu hendaklah dilepaskan dan dipulangkan kepada negara. Rakyat juga hendaklah diberi ruang dan peluang yang cukup untuk menyuarakan pandangan mereka terhadap ketua negara ataupun pemerintah dalam sesuatu perkara, apabila difikirkan munasabah dan lebih bermaslahah sesuai dengan prinsip kebebasan yang mereka miliki dan selari dengan syariat Islam yang suci.

2. Konsep Ketua Negara Dalam Islam

2.1 Pengenalan

Ketua Negara merupakan orang yang mengetuai kerajaan dan bertanggungjawab menggerakkan sesebuah kerajaan. Ia hendaklah dipilih dan dilantik oleh rakyat atau wakil mereka bagi menjalankan tanggungjawab atau amanah dari Allah *subhanahu wata'ala*. Dalam tradisi pemerintahan Islam Ketua Negara dikenali dengan beberapa panggilan seperti: khalifah, imam, malik, amir, sultan, wali, dan rais pada masa kini. Ketua negara hendaklah

menguruskan negara berdasarkan perintah Allah dan RasulNya, di samping mengamalkan dasar terbuka dan bersedia untuk diteguri oleh rakyat samaada secara langsung atau melalui majlis-majlis perwakilan mereka. Ketua negara tidak memiliki kekebalan yang mutlak dan jawatan mereka adalah bersifat sementara (kontrak). Ia perlu melepaskannya apabila diminta atau perlu berbuat demikian. Dalam sistem dunia pada hari ini kebanyakan negara telah mengagihkan bidang kuasa ketua negara kepada presiden dan perdana menteri mengikut peruntukan-peruntukan tertentu, bagi melancarkan pentadbiran negara dan supaya lebih telus. Namun ada negara-negara tertentu yang masih mengekalkan kuasa tertinggi kepada raja atau presiden seperti Brunei dan Arab Saudi. Walaubagaimanapun bidang kuasa mereka telah diagihkan kepada beberapa majlis atau badan-badan yang lain seperti majlis presiden, majlis perwakilan rakyat dan seumpamanya sekalipun presiden atau sultan dengan perdana menteri adalah orang yang sama.

2.2 *Kewajipan Melantik Ketua Negara*

Kewujudan ketua negara adalah satu dari dua perkara yang sangat penting. Imam Ghazali menyatakan:

(الدين أصل، والسلطان حارس، ومالا أصل له فمهدوم، وما لا حارس له فضائع).

Maksudnya: Agama adalah sumber, dan sultan itu adalah penjaganya. Perkara yang tidak ada sumbernya akan runtuh dan sesuatu yang tiada penjaganya akan lenyap. (Al Ghazali).

Dalil-dalil samada dari Al Quran atau Hadith yang menunjukkan kewajipan melantik ketua negara adalah terlalu banyak, malah begitu masyhur dan jelas sekali. Tambahan pula ia begitu secukupnya sekali dengan dalil-dalil aqliyyah sehingga ada ulama yang mengatakan telah berlaku ijma` dalam perkara tersebut. Imam Ibnu Khaldun menyatakan;

" نصب الإمام قد عرف وجوده في الشرع بإجماع الصحابة والتابعين، لأن أصحاب رسول الله صلى الله عليه وسلم عند وفاته بادروا إلى بيعه أبي بكر رضي الله عنه، وتسليم النظر إليه في أمورهم، وكذا في كل عصر من بعد لك، ولم تترك الناس فوضى في عصر من الأعصار، واستقر لك أجماعا دالا على وجوب نصب الإمام."

Maksudnya;

Perlantikan Imam (ketua negara) sesungguhnya sudah diketahui kewajibannya pada syara` melalui ijma` para sahabat dan tabi`in kerana sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w., sebaik sahaja baginda wafat, telah segera melantik Abu Bakar r.a. sebagai pengganti dan menyerahkan tanggungjawab urusan mereka kepada beliau. Demikianlah keadaannya pada setiap zaman selepas dari itu. Manusia tidak pernah ditinggalkan dalam keadaan kucar-kacir pada mana-mana zaman pun malah telah berlakulah ijma` pada kewajipan melantik ketua negara.

Oleh itu pandangan dan amalan puak Khawarij atau Faudhawiyah (nihilist dan anarchist) yang tidak mewajibkan perlantikan khalifah bukanlah dari ajaran atau amalan Islam selama ini.

2.3 *Ciri-ciri Ketua Negara*

Secara prinsipnya, ketua negara yang dilantik hendaklah dengan cara mendapat bai`ah dari rakyat bukan dengan melantik diri sendiri atau secara diktator ataupun secara monarki mutlak.

Majlis syura akan memuktamadkan pemilihan ketua negara. Pemimpin negara sebolehnya hendaklah terdiri dari orang yang terbaik, kuat dan paling mampu menjalankan tanggungjawab tugas tersebut. Abu Zar al Ghifari r.a. pernah ditolak oleh Rasulullah s.a.w. dari dilantik menjadi pemimpin semasa beliau menawarkan dirinya kerana dikatakan dia lemah.

Selain dari syarat-syarat utama yang perlu dipenuhi seperti beragama Islam, baligh, berilmu yang perlu dipenuhi, terdapat juga syarat-syarat yang berbentuk '**back up**' atau nilai tambah kepada pemimpin itu sendiri seperti ia dari golongan yang berpengaruh seperti Quraish dan mempunyai personaliti dan ketrampilan hebat secara semula jadi.

Ketua negara hendaklah sentiasa menjalankan tugas dengan baik, membuat peningkatan diri, bermuhasabah dan menerima teguran rakyat, alim ulama dan para cendekiawan. Syarat-syarat tambahan yang lain, yang selari dengan maqasid dan prinsip syara' boleh dikenakan dalam perlantikannya jika munasabah dan diperlukan.

2.4 Kewajipan Ketua Negara Terhadap Rakyat.

Al Mawardi telah menyenaraikan sepuluh kewajipan ketua Negara dalam pemerintahannya, dan secara ringkasnya adalah seperti berikut;

- i) Menjaga agama dan mengetuainya.
- ii) Memelihara suasana atau arus perdana ummah agar sentiasa berkeadaan baik.
- iii) Menguatkuasakan hukuman secara adil.
- iv) Menegakkan hukuman hudud.
- v) Menjaga pertahanan dan keselamatan negara.
- vi) Menentang musuh Islam.
- vii) Mengutip zakat, cukai dan harta rampasan perang.
- viii) Mengagihkan harta baitul mal kepada yang memerlukan.
- ix) Melantik pegawai secara mencukupi bagi memikul amanah dan melaksanakan tanggungjawab.
- x) Menyelia pelaksanaan tanggungjawab pemerintah dan mengenalpasti serta menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Kesemua ini hendaklah berasaskan kepada syariah secara syumul dan berterusan, dengan penuh berhikmah serta membawa kepada peningkatan taraf hidup rakyat yang sebenarnya.

3. Keterikatan Ketua Negara Dalam Bidang Kuasa

Ketua Negara bukanlah pemerintah yang mutlak atau boleh memerintah sesuka hatinya. Ia terikat dengan syariah sam ada dalam urusan agama maupun dalam urusan keduniaan. Implikasi pelanggaran terhadap syariah boleh membuat perintahnya terbatal dan berhadapan dipecat dari jawatannya. Muhammad Abdul Qadir menyenaraikan tiga perkara yang ketua Negara terikat dengannya iaitu;

- i) Syura
- ii) Tanggungjawab langsung ke atas rakyat.
- iii) Mandat dan keredaan dari rakyat.

Abu Bakar as Siddiq r.a. pernah menjelaskan perkara ini dalam khutbah beliau sebaik saja beliau dilantik menjadi khalifah;

"يا أيها الناس! قد وليت عليكم ولست بخيركم، فإن أحسنت فأعينوني، وإن أسأت فقوموني، (أطيعوني ما أطيعت الله ورسوله، فإن عصيت الله ورسوله فلا طاعة لي عليكم)."

Maksudnya;

Wahai manusia sesungguhnya aku dilantik ke atas kamu. Sedangkan aku bukanlah orang yang terbaik di kalangan kamu. Maka sekiranya aku berbuat baik bantulah aku dan jika aku berbuat buruk betulkan daku. Taatilah aku selagi aku mentaati Allah dan rasulnya. Sekiranya aku menderhakai Allah dan Rasulnya maka tiada lagi kewajiban mentaatiku ke atas kamu.

Al Qaradhawi menyatakan tidak diterima solat seorang imam yang dibenci oleh makmumnya sambil menaqlikan beberapa hadith sahih yang bermaksud;

Ada tiga orang yang pahla solatnya tidak naik meskipun sedikit, di atas kepala (maksudnya ini adalah kiasan bahawa solat mereka tidak dapat diterima oleh Allah dan tidak dapat pahala): Yang pertama adalah solat sesorang yang mengimami solat sedangkan makmumnya membencinya, yang kedua adalah seorang perempuan yang melalui malamnya dalam keadaan suaminya marah kepadanya, dan yang ketiga solat dua orang saudara yang saling bertengkar.

(Riwayat Ibnu Majah dari Ibnu Abbas r.a.).

Jika dalam kepimpinan yang kecil seperti ini pendapat makmum memiliki peranan yang tersendiri, apalagi dalam kepimpinan yang rangkumannya lebih besar. Iaitu kepimpinan umat yang membawahi pelbagai persoalan hidup, samada yang berkakitan dengan agama ataupun dunia.

Rasulullah juga bersabda;

"خيار أئمتكم الذين تحبونهم ويحبونكم وتصلون عليهم ويصلون عليكم، وشرار أئمتكم الذين تبغضونهم ويبغضونكم وتلعنونهم ويلعنونكم." (رواه مسلم عن عوف بن مالك.)

Maksudnya;

Sebaik- baik pemimpin kamu adalah mereka yang kamu mencintai mereka, dan mereka mencintai kamu serta kamu mendoakan mereka dan mereka mendoa kamu. Dan seburuk-buruk pemimpin kamu ialah orang yang kamu membenci mereka dan mereka membenci kamu.

4. HAK KETUA NEGARA KE ATAS RAKYAT.

Kewajipan utama rakyat ke atas ketua negara ialah mentaatinya dengan sepenuhnya sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w.;

"السمع والطاعة في العسر واليسر والمنشط والمكره." (من حديث عبادة الصامت في موطأ الإمام مالك.)

Maksudnya;

Dengar dan patuhlah (samada) ketika susah maupun senang atau ketika suka maupun duka.

Saidina Umar juga berkata;

"لا إسلام بدون جماعة ، ولا جماعة بدون رئاسة."

Maksudnya;

Tiada Islam tanpa jamaah dan tiada jamaah tanpa ketua.

Ketaatan di sini adalah ketaatan tiga serangkai iaitu ketaatan kepada Allah, Rasul dan pemerintah) yang bertunjangkan keimanan keikhlasan dan akhlak yang mulia, melebihi maksud perkataan 'allegiance' atau 'loyalti' dalam perlembagaan Inggeris itu sendiri. Sebab itu ketaatan dalam Islam bukan setakat mengikuti, tetapi menjangkau lebih dari itu iaitu memberi nasihat dan membantu pemimpin apabila diperlukan seperti ketika berhadapan dengan pemberontakan yang tidak sah.

Sabda Rasulullah saw.

"الدين النصيحة : قلنا : لمن؟ قال الله ولكتابه ولرسوله ولأئمة المسلمين وعامتهم."

رواه مسلم عن أبي رقية تميم بن أوس الداري رضي الله عنه.

Maksudnya;

Agama itu nasihat(tiga kali). Bagi siapa? Kata baginda: Bagi Allah, kitabnya, rasulnya, pemimpin umat Islam dan orang ramai mereka.

Ketua negara juga berhak untuk mendapat saraan yang mencukupi bagi diri dan tanggungannya dari perbendaharaan negara di sebalik tumpuan kepada kerjayanya. Namun tidak harus sama sekali baginya mengambil harta rakyat sewenang-wenangnya tanpa sebarang kawalan dan audit di atas tindakannya itu.

5. Kuasa Ketua Negara Dalam Urusan Luar Negara

Ketua negara adalah wakil kepada rakyat dalam semua urusan kerajaan di luar negara, namun ia terikat dengan bidang kuasa yang diperuntukkan kepadanya. Urusan luar negara adalah mencakupi : permetraian perjanjian, pengisytiharan dan pengurusan perang, penyebaran dan pengurusan dakwah Islamiah ke negara asing, perjanjian kerjasama antarabangsa, pengutusan wakil kerajaan ke negara asing dan penyambutan perwakilan dari luar.

Tugas-tugas resmi ini dilakukan sama ada oleh ketua negara sendiri atau melalui wakilnya yang sah.

6. Perlindungan Dan Keistimewaan Ketua Negara

6.1 Di dalam Negara

Ketua negara adalah kebal dari segi undang-undang antarabangsa apabila ia berada di dalam negaranya. Mana-mana negara lain tidak boleh berurusan dalam hal yang berkaitan negaranya melainkan melaluinya. Malahan pihak luar tidak boleh mengecam dan mengkritiknya secara langsung.

Menyentuh tentang tindakan yang boleh dikenakan keatasnya apabila melanggar tata tertib sebagai ketua kerajaan ia merujuk kepada perlembagaan negara itu sendiri. Lazimnya ketua negara juga kebal dari didakwa kerana mengelak dari terseret bersamanya negara yang sedang dipimpin itu demi kesetabilan negara itu sendiri. Selalunya perdana

menteri akan lebih bertanggungjawab dalam perkara ini di negara-negara yang mengagihkan kuasa di antara ketua negara dan perdana menteri.

Dalam hal peribadi, Imam Abu Hanifah mengecualikan pendakwaan ke atas ketua negara dalam perkara peribadi yang tidak melibatkan hak orang lain. Namun jumah ulama tidak mengecualikannya dari sebarang tindakan ke atasnya jika ternyata kesalahannya, dan selagi tidak menimbulkan fitnah yang lebih besar.

6.2 *Di Luar Negara*

Perkara ini adalah berdasarkan kepada kebiasaan amalan antarabangsa sekalipun tiada undang-undang yang khusus. Namun dalam kebanyakan keadaan ia disamakan dengan perwakilan negara.

6.2.1 Corak Sambutan Terhadapnya

Ketua negara berhak mendapat sambutan melalui upacara resmi yang memberi maksud penghormatan. Negara yang menerima lawatan lazimnya tidak akan meninggalkan istiadat ini melainkan dalam keadaan darurat atau apabila ia membawa maksud penghinaan terhadap Negara itu sendiri.

6.2.2 Kekebalan Ketua Negara Terhadap Sebarang Kuasa Asing

Sebagaimana di dalam negara, ketua Negara tidak terikat dengan kehakiman negara lain. Dalam hal ini ia dibahagikan kepada dua iaitu

- a) Kehakiman jenayah.
- b) Kehakiman sivil.

Dalam kehakiman jenayah ketua negara mendapat perlindungan sepenuhnya yang melibatkan tindakan pihak polis (tangkapan, penahanan dan pendakwaan).

Dalam bidang kedua ia perlu dibezakan di antara urusan resmi dan kerja-kerja peribadi.

Sekiranya salah laku berlaku semasa melaksanakan tugas resmi ketua negara tidak boleh dipersoalkan. Sebaliknya apabila ia muncul semasa melaksanakan aktiviti peribadi maka terdapat beberapa pendekatan diperingkat antarabangsa pada masa kini;

- a) Amalan di USA dan British ia kebal.
- b) Amalan di Prancis dan Itali adalah sebaliknya.
- c) Membezakan antara semasa berada diluar negara atau selepas pulang ke negara sendiri. Iaitu terpelihara semasa diluar negara dan tidak terpelihara selepas pulang ke negara sendiri.
- d) Pendakwaan khas(kes peribadi) turut dikenakan ke atas ketua negara kecuali dalam perkara-perkara berikut;
 - i) Sesuatu yang berkaitan dengan harta yang berada dinegara yang dibuat pendakwaan terhadapnya.
 - ii) Sesuatu yang berkaitan dengan denda di atas sebarang mudharat yang dilakukan terhadap seseorang yang berada di negara yang didakwa.
 - iii) Sesuatu yang berkaitan dengan perkara yang boleh menafikan kekebalannya di sana.

- iv) Pendakwaan yang dikenakan ke atas ketua negara susulan dari pendakwaan yang dibuat oleh ketua negara itu sendiri terhadap sesuatu perkara.

6.2.3 Kekebalan Peribadi

Ketua Negara mendapat perlindungan peribadi sepenuhnya di negara yang menjemputnya ke sana. Sebarang perkara yang menyakiti dan menyusahkannya apabila dilakukan boleh dikenakan hukuman yang berat.

6.2.4 Kekebalan Tempat Tinggal

Kediaman ketua negara di negara asing tidak boleh dicerobohi oleh mana-mana pihak. Pihak berkuasa dinegara berkenaan sendiri pun tidak boleh memasuki kediaman ketua negara asing di sana melainkan dengan izin dan persetujuannya.

6.2.5 Keistimewaan Harta Benda Dan Kewangan

Ketua negara akan mendapat perlepasan cukai dan pemeriksaan ke atas harta atau barang yang dibawa masuk. Demikian juga ia dikecualikan daripada cukai individu dan cukai tidak langsung. Adapun yang bersifat harta pemilikan ketua negara tidak dikecualikan dari dikenakan cukai di sana.

6.2.6 Keberterusan Perlindungan Bagi Ketua Negara

Perlindungan akan terus diberi kepada ketua negara sekalipun kerajaannya telah dirampas selagi perampas tidak berkuasa penuh. Sekiranya perampas mendapat kuasa penuh ketua negara akan ditamatkan perlindungan ke atasnya. Namun tiada halangan sekiranya negara berkenaan ingin terus memberi perlindungan kepada ketua negara ini mengikut budi bicaranya sendiri.

6.2.7 Implikasi Hilangnya Sifat Sebagai Ketua Negara

Kehilangan sifat sebagai ketua negara (kecuali kes tertentu) akan menatijahkan hilangnya perlindungan yang diperuntukkan kepadanya samada dengan sebab persaraannya, penarikan diri, pemecatan ataupun tamat tempoh yang diperuntukkan. Walaubagaimanapun kerajaan Negara yang dikunjungi boleh mempertimbangkan berterusannya perlindungan ini dan ianya lebih bersifat inisiatif sendiri.

6.2.8 Situasi Ketua Negara Berhak Mendapat Separuh Perlindungan

Apabila ketua negara mengadakan lawatan tidak resmi atau kunjungan peribadi ia masih berhak mendapat perlindungan dan keistimewaan kecuali sambutan resmi. Sekiranya ia menggunakan nama lain, negara berkenaan tidak perlu memberi perlindungan selagi tidak ternyata peribadinya sebagai ketua negara lain.

7. Nasihat Dan Teguran Terhadap Ketua Negara

Ketua negara hendaklah bersedia untuk dinasihati dan menerima teguran. Reaksi Khulafa al Rashidin seperti Saidina Abu Bakar dan Saidina Ali semasa dilantik menjadi khalifah

amatlah terpuji dan patut dijadikan contoh oleh pemimpin lain. Namun dalam memberi teguran dan nasihat terhadap pemimpin atau ketua negara rakyat yang terdiri dari berbagai lapisan hendaklah berhikmah dan berhimmah agar kesannya positif dan menjadi lebih baik. Kekerasan dan kekasaran hendaklah dielakkan. Firman Allah menkisahkan perintahnya kepada nabi Musa dan nabi Harun;

”فقولا له قولا لينا لعله يتذكرأو يخشى.“

Maksudnya:

Katakanlah oleh kamu berdua (wahai Musa dan Harun) kepadanya (Firaun) dengan kata-kata yang lemah lembut mudah-mudahan ia beringat atau gementar.(44:Taaha).

Adapun keluar dari pemerintah atau ketua negara dengan tujuan menentanginya tidak diharuskan kecuali dalam keadaan *darurah diniyyah* atau masalahnya lebih besar sahaja.

8. Pendakwaan Dan Tindakan Undang-Undang Terhadap Ketua Negara

Perkara ini boleh diambil berdasarkan peruntukan yang diberi kepadanya oleh sesebuah negara. Dalam sejarah Islam kita dapati adakalanya khalifah sendiri seperti Saidina Umar dan Saidina Ali telah dipanggil untuk diadili di mahkamah. Mereka juga terpaksa akur dengan keputusan yang dibuat oleh hakim. (Rujuk kertas ini dalam perkara 6.1).

9. Pemecatan Atau Pelucutan Ketua Negara

Penjawatan ketua negara adalah terikat dengan syarat perlantikannya. Ia boleh dilucutkan dengan sebab kepincangan pada keadilannya atau kelemahan fizikalnya. Kepincangan pada keadilan pula ada dua bentuk iaitu;

- a) Berpunca dari mengikut hawa nafsu.
Tidak syak lagi dalam perkara ini pemimpin perlu dilucutkan.
- b) Berkaitan dengan *syubhah* seperti dalam iktikad atau tingkah laku.
Dalam perkara ini ada dua pandangan;
 - i) Al Mawardi menyatakan ia dipecat.
 - ii) Sebahagian ulama` Basrah tidak dipecat selagi tidak kafir.

Walaubagaimanapun jumhur fuqaha` berpendapat ia boleh dipecat sekiranya tidak mendatangkan fitnah yang lebih besar.

10. Kesimpulan

Ketua negara adalah orang yang terpenting di dalam negara, dan perlu meletakkan dirinya sebagai seorang yang perlu dihormati agar ia tidak dipecat dan kestabilan negara sentiasa terkawal. Syariat Islam pula menekankan kesejahteraan ummah. Hak dan hubungan dengan Allah dan sesama manusia sentiasa ditekankan agar kehormatan agama dan keunggulan ummah kekal terpelihara. Oleh itu dalam tolak ansur agama ada ketegasannya. *Maslahah ammah* sentiasa dijaga dan diutamakan. Maka tiada mana-mana individu yang boleh meletakkan kepentingan peribadinya atau keluarganya maupun kroninya mengatasi kepentingan agama dan orang ramai. Pemimpin seharusnya mengundurkan diri apabila terlalu banyak konroversi tentang dirinya. Maka segala perlindungan yang berkait dengan jawatannya hendaklah ditarik balik darinya. Ingatlah bahawa Islam adalah agama yang

terbaik. Oleh itu hanya pemimpin yang terbaik sahaja yang layak memimpin umatnya. Selain dari itu semua pihak mestilah menerima bahawa matlamat sesuatu perkara mestilah baik dan cara mencapainya juga hendaklah baik. Kedua-duanya pula hendaklah selari dengan syara`. Manakala segala tindakan pemerintah adalah terikat dengan wujudnya masalah bagi rakyatnya.

Rujukan

- 1) Abdul Hadi Awang(2010): *Taktik & Strategi Berpolitik Gaya Khulafar Rasyidin*, Selangor, PTS.Islamika Sdn.Bhd.
- 2) Dr.Abdul Qadir Audah: *Al Islam wa Auda`ina al Siyasa*,Beirut,Muassasah al Risalah
- 3) Abdul Wahhab Khallaf(1984): *Al Siyasa al Syar`iyyah*,Beirut,Muassasah al Risalah.
- 4) Abu Bakar Hamzah: *Hak Asasi Manusia Menurut Pandangan Islam*,Kuala Lumpur, Pustaka Antara.
- 5) Abu Bakr Al Jassas: *Ahkam Al Quran*, Mesir, Dar al Mashaf.
- 6) Abu Daud: *Sunan Abi Daud*, Beirut, Dar al Ihya` al Turath al Arabi.
- 7) Abu al Hasan Ali bin Muhammad al Mawardi: *Al Ahkam al Sultaniyyah*,Beirut Dar al Kutub al Ilmiyyah.
- 8) Abu Ya`la Muhammad al Farra`: *Ahkam al Sultaniyyah*, Mesir,Mustafa al Baby al Halabi.
- 9) Ali bin Fahid: *Azl al Rais al A`la li al Daulah fi Nizam al Hukm fi al Islam*,Mesir,Dar al Kutub.
- 10) Dr. Arif Khalil Abu `Id (1996) : *Nizam al Hukm fi Al Islam*, Amman , Dar al Nafais.
- 11) Al Ghazali: *Ihya` Ulumuddin*, Beirut, Dar al Ma`rifah.
- 12) Ibn al Athir (2008): *al Kamil fi al Tarikh* , Maktabah al Tauqifiyyah.
- 13) Ibn Hajar al Asqillani:*Fath al Bari*,Beirut,Dar al Ma`rifah.
- 14) Ibn Jarir al Tabari: *Tarikh al Umam wa al Muluk*,Beirut, Dar al Fikr.
- 15) Ibn Khaldun: *Muqaddimah*,Beirut, Dar al Bayan.
- 16) Ibn Kathir: *Al Bidayah wa al Nihayah*,Beirut, Maktabah al Ma`arif.
- 17) Prof.Dr. Jaafar Abdul Salam (2006): *Nizam al Daulah fi al Islam wa Alaqatuha bi al Duwal al Ukhra*,Rabitah al Jamiaat al Islamiyyah.
- 18) Al Maududi (1981): *Tadwin al Dustur al Islami*,Beirut,Muassasah al Risalah.
- 19) Dr. Muhammad Abdul Qadir Abu Faris(1984):*Al Nizam al Siyasi fi al Islam*,Beirut, Dar al Quran al Karim.
- 20) Dr. Munib Muhammad Rabi` (1988): *Dhamanat al Hurriyyah baina Waqi`iyyatil Islam wa Falsafah Al Dimuqratiyyah*, Riyadh, Maktabah al Ma`arif.
- 21) Dr Mustafa Bugha&Mahyuddin Mastu(1984): *Al Wafi fi Syarh al Arbain al Nawawiyyah*, Beirut, Muassasah ULum al Quran.
- 22) Prof. Dr.Nu`man Ahmad al Khatib(2004): *Al Wasit fi Al Nuzum al Siyasiyyah wa Al Qanun Al Dusturi*,Al Urdun, Dar al Thaqafah.
- 23) Al Qurtubiy: *Al Jami li Ahkam al Quran*,Beirut ,dar Ihya` al Turath al Arabiyy
- 24) Sa`di Abu Habib(1984): *Dirasah fi Minhaj al Islam al Siyasi*,Beirut,Muassasah al Risalah.
- 25) Al Sayuti: *Tanwir al Hawalik Syarh ala Muwatta` Malik*, Beirut,Dar an Nadwah al Jadidah.
- 26) Al Tarmizi : *Sunan al Tarmizi* ,Beirut, Dar al Turath al Arabi.
- 27) Dr.Wahbah al Zuhaili(1981): *Al Alaqat al Dauliyyah Fi al Islam Muqaranat bi Al Qanun al Dauli al Hadith*, Beirut, Muassasah al Risalah,
- 28) Dr.Yahya Ismail(2004): *Manhaj al Sunnah fi Al Alaqah baina al Hakim wa Al Mahkum*,al Mansurah,Dar al Wafa.

- 29) Dr.Yusuf al Qaradhawi(2002)Terj. Arsil Ibrahim : *Fiqh Kenegaraan* ,Batu Caves, ABIM,Percetakan Zafar Sdn.Bhd.
- 30) Prof.Dr.Yusuf Al Qaradhawy(2009)Terj. Ibn Sham: *Agama Dan Politik*,Kuala Lumpur, Alam Raya Enterprise.